PENGARAH
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
Km. 8, Jalan Paka
23000 Dungun
TERENGGANU, MALAYSIA

POLITEKNIK MALAYSIA
SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

Tel : 09 - 840 0800
Faks : 09 - 845 8781
Laman Web : www.psmza.mypolycc.edu.my
Facebook : MyPSMZA Portal

Ruj. Kami : PSMZA/08/03/1 JLD. 6 (10)
Tarikh : 28 Oktober 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN (LAMPIRAN 1)

Saudara/Saudari,

MAKLUMAT LAPOR DIRI PELAJAR SENIOR SESI II : 2026/2027 BAGI PELAJAR YANG MENANGGUHKAN PENGAJIAN PADA SESI I : 2026/2027, POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa saudara/saudari yang telah menangguhkan pengajian pada Sesi I : 2026/2027 dikehendaki melapor diri bagi Sesi II : 2026/2027 mengikut butiran berikut:

Tarikh Bayaran	: **Bermula 01 November 2026**
Tarikh Lapor Diri Pelajar	: **Bermula 23 November 2026 (ISNIN)***secara dalam talian
Tarikh Daftar Kursus	: **23 hingga 28 November 2026 (ISNIN - SABTU)**

***Panduan Lapor Diri Pelajar Senior Sesi II : 2026/2027** boleh dimuat turun mulai **01 November 2026** melalui pautan berikut:
https://psmza.mypolycc.edu.my/index.php/hebahan-pelajar

3. Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) akan bermula pada 29 November 2026 (Ahad). Saudara/saudari adalah diingatkan untuk melengkapkan pendaftaran dalam tempoh yang telah ditetapkan. Saudara/saudari boleh **digugurkan taraf** sebagai pelajar PSMZA sekiranya tidak melapor diri dalam masa yang telah ditetapkan.

4. Sebarang pertanyaan, hubungi Jabatan Hal Ehwal Pelajar di talian 09-8400800 samb. 0835/0996/0901.

Sekian, terima kasih.

"EKOSISTEM KONDUSIF KERJA PRODUKTIF"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(Dr. AISHAH BINTI SHEIKH ABU BAKAR)
Pengarah
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin,
Kementerian Pendidikan Tinggi.

Maklumat Am

1. Status Pelajar

Status pelajar institusi tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

i. Mendaftar sebagai pelajar institusi untuk mengikuti program pengajian yang ditawarkan pada tarikh yang ditetapkan;
ii. Menjelaskan yuran pengajian **TIDAK** lewat dari tarikh yang ditetapkan; dan
iii. Mendaftar kursus seperti yang ditetapkan oleh jabatan/unit akademik untuk semester berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

2. Gugur Taraf Sebagai Pelajar

i. Pelajar akan digugurkan taraf sebagai pelajar institusi sekiranya **GAGAL** melapor diri/memohon penangguhan pengajian/memohon berhenti pengajian dalam tempoh 8 minggu selepas tarikh pendaftaran pelajar.
ii. Pelajar yang telah digugurkan taraf sebagai pelajar **TIDAK BOLEH** membuat rayuan menyambung pengajian pada sesi semasa.
iii. Pelajar **BOLEH** membuat permohonan baharu sebagai pelajar baharu pada sesi seterusnya.